

MUZAKARAH NEGARA ISLAM

A DISCOURSE ON ISLAMIC STATE



72
Z

PENYUSUN
DRS. AMNAH KHUZAIRI



MUZAKARAH NEGARA ISLAM





MUZAKARAH NEGARA ISLAM

PENYUSUN
DRS. AMNAH KHUZAIRI



PUSTAKA PERDANA



1012721

KUALA LUMPUR

CETAKAN PERTAMA 2004

© HAKCIPTA MEDIA CENTRE

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan dalam-Penerbitan

Drs. Amnah Khuzairi
MUZAKARAH NEGARA ISLAM
ISBN 983-02292-3-7

PENERBIT
MEDIA CENTRE
A-6-1/1, BLOCK A,
MEGAN PHILEO PROMENADE,
189 JALAN TUN RAZAK,
50400 KUALA LUMPUR.

PENCETAK
MINDA MALAYSIA SDN. BHD.
LOT 1174, TAMAN SG. BESI,
SUNGAI BESI, KUALA LUMPUR.



Kandungan

MUZAKARAH NEGARA ISLAM

	PENDAHULUAN	1
1	GAGASAN NEGARA ISLAM Dato' Seri Abdul Hadi Awang	7
2	SEMANGAT SETIAKAWAN ADA BATASNYA Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail	16
3	SEKADAR KHUTBAH POLITIK Prof. Dato' Dr. Syed Hussein Alatas	23
4	TERDEDAHNYA KELEMAHAN PAS Datuk Ustaz Haji Nakhaie Ahmad	30
5	DOKUMEN YANG BANYAK BIDA'AH Dato' Ustaz Haji Abdul Manaf Ahmad	43
6	PAS GAGAL SAHUT CABARAN Dato' Mustapa Mohamed	69

7	MENYAMAI NEGARA PUAK KHAWARIJ Astora Jabat	93
8	TERBATAS DAN TIDAK MEYAKINKAN Wan Khairi Wan Ali	119
9	DOKUMEN CIPLAK, MAKAN DIRI Syed Akbar Ali	133
10	SATU PERNYATAAN POLITIK SEMATA-MATA Datuk A. Kadir Jasin	143
11	PAS FAHAMI ISLAM IKUT PANDANGAN POLITIK Jahamy	154
12	MENJEJASKAN KEHARMONIAN ANTARA KAUM Zin Mahmud	161
13	MALAYSIA NEGARA ISLAM Nur Syakiran Akmal Ismail	168
14	WHAT KIND OF ISLAMIC STATE? Dr. Chandra Muzaffar	173

15	UNDEMOCRATIC AND IN VIOLATION OF COMMON MANIFESTO Lim Kit Siang	188
16	AN ATTACK ON FUNDAMENTAL RIGHTS Dr Ng Kam Weng	202
17	UNACCEPTABLE AND DANGEROUS Datuk Zaid Ibrahim	209
18	A TOOL TO WIN VOTES Shamsul Akmar Musa	220
19	BE WARY OF SUPERFICIAL AGENDAS Datuk Johan Jaafar	225
20	WHAT WILL PAS BAN NEXT? Datuk Munir Majid	229
21	CONSERVATISM CLOAKED IN MODERNITY Dr. Tan Seng Giaw	235

BUKU-BUKU LAIN TULISAN DRS. AMNAH KHUZAIRI

PERAMPAS BALAK (Media Centre, 2001)

BEKAS IMAM BESAR BONGKAR RAHSIA ANWAR
(Minda Malaysia, 2001)

KOLEKSI SANDIWARA (Media Centre, 2002)

KOLEKSI AUTA PEMBANGKANG (Media Centre, 2002)

LETUP: ISU-ISU HANGAT DI KELANTAN (Media Centre, 2003)

AKAN DATANG

KERANDA POLITIK KELANTAN (Media Centre, 2004)

SKANDAL TANAH DAN BALAK DI SERAMBI MEKAH
(Media Centre, 2004)

PENDAHULUAN

Pas telah memerintah Kelantan sejak tahun 1990, kemudian membentuk kerajaan di Terengganu selepas pilihanraya umum 1999. Di kedua-dua negeri, kemenangan Pas boleh dianggap 'mujur' (nasib baik). Di Kelantan, Pas menumpang tuah **Semangat 46** semasa kemuncak pergerakannya sebagai sebuah parti politik. Beberapa tahun kemudian, Semangat 46 berkubur. Pada tahun 1999, Pas 'mujur' lagi sekali. Kali ini, ia menumpang tuah **Parti Keadilan Nasional** semasa kemuncak gerakan reformasi.

Kesempatan memerintah ini digunakan Pas untuk mendabikkan penubuhan 'kerajaan Islam' kononnya. Kerajaan Pas Terengganu telah menggazet dan melaksanakan hukum hudud ciptaannya sendiri pada Oktober 2003. Tapi Kerajaan Pas Kelantan masih tidak melaksanakan hukum sama walaupun telah 13 tahun memerintah negeri itu. Lebih pelik, apa yang dipanggil hukum hudud di Terengganu tidak sama dengan apa yang ada di Kelantan.

Walaupun dipertikai banyak pihak, termasuk kumpulan wanita dan bukan Islam, terhadap kesangsian dan ketidakadilan yang timbul daripada pelaksanaan perundangan itu, Pas bersikap angkuh dan tidak peduli. Hari ini, Pas mencanangkan idea untuk memerintah Malaysia dan membentuk sebuah negara teokrasi, walaupun dinafi oleh pucuk pimpinannya. Kerajaan Malaysia yang ada hari ini dianggap sekular, Perlembagaan Persekutuan dilabel jahiliyah, dan mahkamah dipanggil toghut.

Hakikatnya, kedudukan dan peranan Malaysia sebagai sebuah negara Islam begitu menyerlah, bukan sahaja di rantau ini bahkan seantero dunia. Kerana itu, Malaysia dilihat dan diterima sebagai **Negara Islam Contoh**.

Buku ini diterbitkan bagi manfaat umat Islam negara kita, khususnya bagi meleraikan banyak kekeliruan dan kacau bilau yang timbul daripada **Dokumen Negara Islam** yang diterbitkan Pas. Buat masa ini, terlalu banyak andaian, persepsi dan tafsiran yang timbul dikalangan ummah mengenai konsep kabur yang dibawa Pas. Keadaan ini mengarahkan kepada perlunya diadakan muzakarah. Ini sesuai dengan firman Allah SWT yang inginkan ummah menyelesaikan perselisihan secara syura dan muzakarah.

“Sesungguhnya orang-orang mukmin adalah bersaudara kerana itu damaikanlah antara dua saudaramu (yang bertelagah) dan bertakwalah kepada Allah, supaya kamu mendapat rahmat.” (Surah Al-Hujuraat : Ayat 10)



Menurut Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, **Dato' Mustapa Mohamed** dalam bukunya "**Kemelut Politik Melayu**" (Petaling Jaya, 2001), sejak Pas dipecat dari Barisan Nasional, tidak satu pun muzakarah diadakan. Walaupun p e l a w a a n muzakarah pernah d i c a d a n g k a n , k h u s u s n y a membincangkan isu-isu pelaksanaan hudud, takfir dan

mengundi Pas masuk syurga, tiada pertemuan diadakan. Usaha terakhir mengadakan muzakarah UMNO-Pas pada tahun 2001 digagalkan oleh Pas, yang mengumumkan penangguhan pertemuan itu dan mengemukakan beberapa syarat yang tidak munasabah atau berkaitan dengan tujuan pertemuan.

"Kekuatan sesuatu bangsa bergantung kepada perpaduan. Kesediaan pemimpin parti-parti politik Melayu untuk bertemu dan bermusyawarah sudah lama ditunggu setelah pertarungan politik menjuruskan masyarakat Melayu di negara ini ke gaung perpecahan yang membimbangkan." (ms 73).

“Perpecahan bangsa yang berlaku di atas rekahan fahaman politik sempit akan membawa padah kepada generasi akan datang... Bangsa Melayu tidak mampu lagi berpecahbelah. Sedarilah realiti politik hari ini. Perpaduan bangsa adalah tuntutan utama keutuhan negara. Ia juga dituntut oleh Islam.” (ms 90).

PRASYARAT MUZAKARAH

Sebelum muzakarah diadakan, adalah penting ditentukan perspektif mengenai Negara Islam bagi melenyap atau mengurangkan jurang perbezaan perspektif yang mungkin timbul dikalangan ahli muzakarah. Antara butiran pra-muzakarah yang perlu dipersetujui termasuklah:

1. Menentukan Firman Allah SWT dan Sunnah yang paling tepat : Ayat atau firman Allah SWT dan sunnah (termasuk hadis) Nabi SAW. yang dilihat sebagai paling tepat dalam membicarakan tentang peri pentingnya ditubuhkan sebuah negara Islam. Keperluan ini timbul kerana banyaknya ayat dan hadis atau sirah yang telah dikemukakan oleh pelbagai pihak dalam membicarakan penubuhan negara Islam sehingga menimbulkan kekeliruan.

2. Menentukan Skop Negara Islam : Yang perlu ditentukan ialah sama ada negara Islam itu berasaskan pada skop-ibadah aqidah, syariah, usuluddin atau pun masalah ummah. Isu ini perlu dileraikan kerana ada pihak yang menyifatkan penubuhan sebuah negara Islam sebagai ibadah berasaskan aqidah. Lalu dikemukakan hujah berdasarkan usuluddin, sedangkan ada pihak yang

menyifatkan negara Islam bukan soal usuluddin tapi bidang furuk, yang banyak memperkatakan tentang kemaslahatan ummah.

Ada juga pihak beranggapan penubuhan negara Islam adalah tuntutan dan tanggungjawab syariah bagi ummah. Manakala pihak lain berhujah bahawa aspek syariah akan hanya terserlah kepentingannya setelah Negara Islam itu terbina, dan bukan sebelumnya.

Bagi pihak yang beranggapan Negara Islam sebagai masalah ummah pula, mereka berkata ummahlah yang memerlukan sebuah Negara Islam sebagai melengkapkan tatacara kemasyarakatan yang menganut Islam. Dengan kata lain, negara Islam adalah suatu entiti yang perlu digariskan oleh ummah mengikut kepentingan dan keperluan keadaan yang ada. Ini tidak pula bermakna ummah yang 'menentukan' apa itu Islam, sebaliknya, ummah mengukuhkan kedudukannya – dalam sebuah negara Islam - mengikut kesesuaian keadaan berasaskan pada ruang-skop yang diredhai dalam Islam. Oleh itu, tidak timbul tuduhan 'Islam mengikut telunjuk ummah'.

3. Menentukan isi muzakarah : Isi merangkumi segala syarat, ciri, *preamble* dan sebagainya yang diperlukan dalam merencanakan sesebuah negara. Misalnya, isi yang paling sensitif: meletakkan al-Quran dan Hadis sebagai sumber rujukan tertinggi dalam 'perlembagaan' negara Islam. Jika skop masalah ummah - menjadi keputusan pra-muzakarah, maka ummah perlu menentukan 'kebijaksanaan' dan kewajaran isi sensitif tersebut diterimapakai. Apabila berasaskan pada


masalah ummah, aspek mengenai situasi sebelum-semasa-masa depan perlu diambil kira sesuai dengan keperihalan Al-Quran tentang ummah sebagai pemegang amanah (Ilahi), '*khairan ummah*' (ummah terbaik), dan '*ummatan wasata*' (ummah yang seimbang).

Ringkasnya, muzakarah diperlukan bagi membuka semula lembaran negara Islam agar ummah berada dalam situasi yang lebih selesa, harmonis dan faham kedudukan yang sebenarnya. Ini dapat menyisihkan segala salah faham, tanggapan, bias, ego dan sebagainya, prejudis dan kekeliruan disamping menyempitkan ruang mereka yang ingin mengambil kesempatan daripada kekalutan dan kacau bilau di kalangan ummah seperti yang berlaku dalam masyarakat Islam Malaysia hari ini.

Diharap buku ini dapat menyumbang kepada kefahaman mengenai konsep sebenar Negara Islam, serta memberi penjelasan terhadap kekaburan dan salah tafsiran yang timbul akibat penerbitan Dokumen Negara Islam Pas. Juga menjadi harapan saya agar pandangan tokoh-tokoh agama serta para intelek Islam dan bukan Islam dalam buku ini mempercepatkan usaha diadakan satu muzakarah yang benar-benar dapat memberi manfaat kepada umat Islam di negara ini.

Drs. Amnah Khuzairi
Kota Bharu, Kelantan

1



GAGASAN NEGARA ISLAM

Oleh
Dato' Seri Abdul Hadi Awang

Dokumen ini adalah hasil daripada kajian, pemerhatian dan siri perbincangan dikalangan tenaga pakar parti Pas. Perlu saya tegaskan bahawa sesiapa pun boleh memberi pandangan dan komen mengenai dokumen ini. Dengan berlapang dada, saya mempersilakan dan mengalu-alukan pihak-pihak yang ingin memberi pandangan dan cadangan konstruktif cetusan daripada semangat kejujuran, keikhlasan dan keluhuran terus memperkemaskan kandungan dan persembahannya.

Dokumen Negara Islam ini merangkumi semua aspek konsep negara Islam termasuk tasawur, dasar, ciri-ciri sehinggalah polisi-polisi umumnya. Perbincangan awal yang melibatkan tasawur, dan dasar negara Islam ditimba daripada dua sumber agung perundangan Islam iaitu Al-Quran dan As-Sunnah. Seperti yang kita semua maklum,

perbahasan yang melibatkan konsep negara Islam tidak akan lengkap jika ianya membelakangkan rujukan kepada kedua-dua sumber ini. Lanjutan daripada itu, dokumen ini menggariskan ciri-ciri negara Islam yang disusuli pula oleh polisi-polisi umum mengikut pecahan sektoral dalam konteks realiti masyarakat Malaysia kini.

Gagasan Negara Islam seperti yang terkandung dalam dokumen ini merupakan usaha serius menangani kegagalan akal manusia liberal dalam menangani beraneka gejala sosio-budaya yang semakin parah. Kita telah mencuba pakai pendekatan Barat atas nama demokrasi, kapitalisme, pragmatisme, liberalisme dan sebagainya namun yang Pasti nya permasalahan manusia dan kemanusiaan semakin hari semakin goyah. Seolah-olah kita sudah hilang arah tuju dan tenggelam punca untuk mencari penawarnya. Gagasan Negara Islam yang cuba diketengahkan ini sekiranya dapat dimengertikan, dihayati dan dipraktik tanpa prejudis berupaya dan mampu menyelesaikan masalah yang telah begitu banyak menghabiskan sumber dan tenaga.

Dalam senario dunia yang berdepan dengan segala bentuk 'perhambaan dan keganasan secara moden' akibat dari tindakan 'unilateral' kuasa dunia dan konco-konconya, masyarakat antarabangsa amnya dan umat Islam khasnya, wajar memberikan peluang kepada pemerintahan yang berteraskan bimbingan Tuhan Yang Maha Mengetahui untuk membebaskan manusia daripada segala bentuk 'perhambaan' dan 'penjajahan' bentuk baru ini. Pemerintahan Islam tentunya adalah satu jalan keluar dan opsyen yang perlu diberikan ketelitian yang serius.

Gagasan Negara Islam yang memberi penekanan kepada matlamat syariah untuk mewujudkan keadilan sejagat akan menghasilkan kesejahteraan dan kemakmuran untuk semua. Adalah menjadi hasrat manusia sejagat untuk mengecapi keadilan dan kesejahteraan yang sebenarnya. Di dalam senario kecelaruan pemikiran dan ketidaktentuan arah untuk mencari penyelesaian, maka adalah wajar seandainya kita kembali kepada kebijaksanaan pemerintahan yang dipandu dan dibimbing oleh syariat Allah sebagai sumber hukum dan perundangan yang meletakkan segala sesuatu tepat dan wajar kepada kemaslahatan dan kepentingan manusia itu sendiri. Amat tepat penegasan Allah SWT dalam firmanNya:

“Telah sempurnalah kalimah Tuhanmu yang Penuh Adil dan Benar. Tidak ada yang dapat merobah kalimah-kalimahNya dan Dialah (Allah) Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.” (Al-An’aam:115)

Negara Islam yang kami ketengahkan meletakkan matlamat keadilan sebagai kemuncak tugas kerajaan. Dengan meletakkan penghayatan Islam sebagai Ad-Din yang sempurna lengkap, maka cita-cita keadilan ini dijadikan matlamat bagi seluruh sistem dan institusi di dalam negara ini, sama ada yang menyangkut aspek agama, kehakiman, politik, ekonomi dan pembangunan, sosial, pendidikan dan keselamatan negara, serantau dan internasional. Dalam hubungan ini, Allah SWT berfirman:

“Sesungguhnya Kami (Allah) telah mengutuskan Rasul-rasul kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan telah kami turunkan bersama mereka Al-Kitab dan neraca

PENULIS/WRITERS

- **DATO' SERI ABDUL HADI AWANG**, *Presiden PAS*
- **DATIN SERI WAN AZIZAH WAN ISMAIL**, *Presiden Parti Keadilan Nasional*
- **PROF. DATO' DR. SYED HUSSEIN ALATAS**, *Fellow Penyelidik Utama, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM*
- **DATUK USTAZ HAJI NAKHAIE AHMAD**, *Yang Di Pertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)*
- **DATO' USTAZ HAJI ABDUL MANAF AHMAD**, *Timbalan Yang Di Pertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)*
- **DATO' MUSTAPA MOHAMED**, *Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan*
- **ASTORA JABAT**, *Pengarang Majalah AL-ISLAM*
- **WAN KHAIRI WAN ALI**, *Pensyarah Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kelantan*
- **SYED AKBAR ALI**, *Kolumnis Berita Minggu*
- **DATUK A. KADIR JASIN**, *Ketua Pengarang Kumpulan Berita Publishing Sdn Bhd*
- **JAHAMY**, *Kolumnis Berita Harian*
- **ZIN MAHMUD**, *Pengarang rencana Utusan Malaysia*
- **DR. CHANDRA MUZAFFAR**, *Director of JUST World*
- **LIM KIT SIANG**, *DAP National Chairman*
- **DR NG KAM WENG**, *Director Kairos Research Centre*
- **DATUK ZAID IBRAHIM**, *Deputy Liaison Chief Kelantan UMNO*
- **SHAMSUL AKMAR MUSA**, *Political writer, The New Straits Times*
- **DATUK JOHAN JAAFAR**, *Former Editor-in-Chief, Utusan Melayu Group*
- **DATUK MUNIR MAJID**, *Former Group Editor-in-Chief, New Straits Times Group*
- **DR. TAN SENG GIAW**, *DAP National Vice Chairman and MP for Kepong*

**MEDIA CENTRE
KUALA LUMPUR**